



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

ISU PENDERAAN KANAK-KANAK DI PUSAT BANDAR PUCHONG, SELANGOR

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail bersama Timbalan Menteri, Puan Hannah Yeoh berkesempatan mengadakan lawatan ke Hospital Serdang hari ini untuk melawat dua beradik yang dipercayai menjadi mangsa penderaan fizikal oleh tiga beranak seperti yang dilaporkan oleh media sebelum ini.

Kedua-dua kanak-kanak tersebut kelihatan "lemah", tetapi keadaan mereka stabil setelah dirawat. Salah seorang daripada kanak-kanak tersebut agak reaktif dan boleh berkomunikasi dalam bahasa ibunda mereka.

Pemeriksaan yang lebih rapi merangkumi status kesihatan emosi mereka akan dipantau dan sesi kaunseling telah dimulakan.

Mengikut Akta Kanak-kanak 2001 berkaitan Pemeliharaan dan Perlindungan Kanak-Kanak, dinyatakan bahawa dalam masa kanak-kanak dirawat sehingga pulih, Pelindung Kanak-Kanak akan menyiasat dengan teliti sama ada terdapat Orang Yang Layak dan Sesuai (OYLS) atau saudara mara yang mempunyai kemampuan dan keupayaan untuk melindungi dan menjaga kebajikan serta sanggup menjaga kanak-kanak di mana pemeliharaan berasaskan keluarga adalah yang sebaiknya diutamakan.

Jika tiada yang sesuai dan layak maka kanak-kanak akan diletakkan di pusat jagaan kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atau badan bukan kerajaan (NGO) mengikut kesesuaian untuk diberi penjagaan yang rapi.

Pihak kementerian melalui JKM memandang serius isu berkaitan penderaan kanak-kanak. Berdasarkan Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016, hukuman denda RM50,000 bersama hukuman penjara sehingga 20 tahun telah diperuntukkan bagi kesalahan mendera, mengabaikan dan menganiaya kanak-kanak.

KPWKM berterima kasih di atas keprihatinan orang ramai yang telah melaporkan kes ini dan memohon sebarang maklumat berkaitan penderaan disalurkan kepada KPWKM melalui Talian Kasih 15999 bagi tindakan selanjutnya.

**PEJABAT MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
PUTRAJAYA
17 JUN 2019**